



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI SISTEM E-KEHADIRAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
(kemaskini 3 Jun 2021)

.....

1. Apa itu sistem e-kehadiran jabatan?

Sistem e-kehadiran ini berfungsi sebagai **laporan pendaftaran kehadiran kakitangan jabatan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**. Ini adalah untuk memastikan rekod kehadiran pegawai yang dibenarkan BDR sentiasa dikemaskini, memudahkan memantau keberadaan di rumah semasa melaksanakan tugas dan penjana laporan kehadiran pegawai yang terlibat.

Walau bagaimanapun, atas sebab kekurangan pada sistem ini, maka sistem ini tidak menggantikan perakam waktu sedia ada. Pegawai yang bertugas atau hadir ke pejabat tetap perlu mengetik perakam waktu manakala ruangan bercatat merah atau tidak ketik perlu ditulis keterangan dan tandatangan dari penyelia selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981.

2. Siapa yang membangunkan sistem e-kehadiran?

Sistem e-kehadiran ini telah dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat DOF dengan Bahagian Khidmat Pengurusan DOF sebagai pemilik Sistem, untuk membantu dalam menguruskan penjana sistem semasa Perintah-perintah Kawalan Pergerakan.

3. Apakah jenis maklumat yang akan dikumpul?

Maklumat yang diperlukan semasa pendaftaran adalah:

- i. Nama
- ii. Nombor Telefon
- iii. Nombor Kad Pengenalan/Pasport
- iv. Alamat semasa kediaman dengan Bandar, Poskod dan Negeri
- v. Maklumat pasangan



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI SISTEM E-KEHADIRAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
(kemaskini 3 Jun 2021)

.....

4. Berapa lamakah sistem ini akan digunakan?

Penggunaan sistem ini akan bermula dari tarikh yang diumumkan oleh Kerajaan dan akan digunakan dalam tempoh Perintah-perintah Kawalan Pergerakan seperti diumumkan dari semasa ke semasa.

Penggunaan sistem ini akan ditamatkan apabila Kerajaan mengumumkan penamatan Perintah-perintah Kawalan Pergerakan kelak atau arahan Ketua Pengarah Perikanan.

Selaras dengan Surat Ketua Pengarah Perikanan DOF.BKP 100-1/5/3 Jld. 2 (20) bertarikh 24 Mei 2021 – Garis Panduan Pengoperasian Pejabat dan Premis Jabatan Perikanan Sepanjang Tempoh Perintah-perintah Kawalan Pergerakan bagi Membendung Wabak Covid-19, sistem e-Kehadiran digunakan seperti berikut:

Bil	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Penggunaan Sistem e-Kehadiran
1	PKP	Semua pegawai hendaklah menggunakan sistem eKehadiran DOF; dan Sekiranya hadir di Pejabat, hendaklah mengetik Kad Perakam Waktu atau menggunakan sistem perakam waktu sedia ada masing-masing.
2	PKP Diperketat	
3	PKP Bersyarat	
4	PKP Pemulihan	Pegawai yang diberi kebenaran BDR sahaja diwajibkan menggunakan sistem eKehadiran DOF; dan Pegawai yang bertugas di Pejabat, hendaklah mengetik Kad Perakam Waktu atau menggunakan sistem perakam waktu sedia ada masing-masing.

5. Bagaimana saya boleh muat turun aplikasi e-kehadiran?

Tiada aplikasi bagi sistem ini. Sistem dapat diakses melalui pelayar web di telefon mudah alih atau komputer.

Sila kunjungi <https://ekehadiran.dof.gov.my>



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI SISTEM E-KEHADIRAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
(kemaskini 3 Jun 2021)

.....

6. Adakah pegawai sambilan / personel myStep / lantikan negeri wajib mendaftar/log masuk sistem?

Semua anggota Jabatan Perikanan (lantikan tetap, kontrak atau sambilan) sama ada lantikan Persekutuan atau Negeri adalah diminta untuk mendaftar masuk setiap hari bekerja sepanjang Perintah-perintah Kawalan Pergerakan ini dilaksanakan. Pentadbir di setiap PTJ perlu mendaftar terlebih dahulu maklumat pegawai tersebut.

Hal ini adalah selaras dengan Surat Edaran PRK.ML.12/57/3/Jld.5(55) bertarikh 5 Januari 2021 mengenai Edaran PP5/2020 dan Arahan Pentadbiran Berkenaan BDR dan Surat Edaran PRK.ML.12/57/3/Jld.5(69) bertarikh 12 Januari 2021 mengenai Pengoperasian Pejabat semasa Perintah-perintah Kawalan Pergerakan.

7. Adakah pegawai yang sedang menjalankan kuarantin di pusat kuarantin KKM perlu mengisi sistem e-kehadiran?

Semua anggota Jabatan Perikanan diminta untuk daftar masuk e-kehadiran pada setiap hari bekerja semasa Perintah-perintah Kawalan Pergerakan **kecuali bagi anggota** seperti berikut:

- a) Cuti Sakit (hanya bagi pesakit dalam sahaja termasuk cuti sakit barah atau cuti sakit kronik atau pegawai kuarantin di stesen kuarantin yang diwartakan bagi pegawai positif Covid-19);
- b) Cuti Bersalin;
- c) Cuti Tanpa Gaji;
- d) Cuti Separuh Gaji;
- e) Cuti Belajar; dan
- f) Tahan Kerja atau Gantung Kerja.

Anggota yang positif Covid-19 dan diperintahkan kuarantin di rumah adalah digalakkan mengisi eKehadiran di bawah pilihan "Lain-lain" dan mengesahkan lokasi di alamat di mana pegawai anggota menjalani proses kuarantin.



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI SISTEM E-KEHADIRAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
(kemaskini 3 Jun 2021)

.....

8. Apakah beza antara PKP: Bekerja Dari Rumah, PKP: Bekerja Dari Rumah (BDR Pagi) dan PKP: Bekerja Dari Rumah (BDR Petang)?

- a) PKP: Bekerja Dari Rumah
 - BDR sepenuhnya di rumah.
- b) PKP: Bekerja Dari Rumah (BDR Pagi)
 - BDR pada waktu pagi dan bekerja di pejabat pada sebelah petang.
- c) PKP: Bekerja Dari Rumah (BDR Petang)
 - Bekerja di pejabat pada waktu pagi dan BDR pada sebelah petang.

Pilihan ini ditambah selaras dengan arahan terkini Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh yang diumumkan oleh Kerajaan mulai 1 Jun 2021 yang mana Penjawat Awam adalah 100% bekerja dari rumah kecuali perkhidmatan/urusan yang dikecualikan BDR sebagaimana Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 30 Mei 2021.

Perkhidmatan atau urusan yang dikecualikan untuk BDR dalam konteks DOF adalah seperti mana Perenggan 3.1 (a) dan (b) dalam surat Ketua Pengarah Perikanan DOF.BKP 100-1/5/3 Jld. 2 (22) bertarikh 31 Mei 2021 - Arahan Pengoperasian Pejabat dan Premis Jabatan Perikanan Malaysia Sepanjang Tempoh PKP (*Total Lockdown*)

Bagi pegawai yang mendapat giliran bertugas di pejabat selama maksimum 4 jam juga perlu memilih "Bekerja Dari Rumah (BDR Pagi/Petang).

Masa untuk mengisi eKehadiran pada setiap hari adalah bermula 7 pagi hingga 12 tengahari. Walau bagaimanapun pengisian selepas pukul 9 pagi adalah dianggap lewat.

9. Bagaimana cara log masuk sistem untuk pegawai yang bekerja syif (penguatkuasa) waktu bekerja pagi – petang / petang – malam?

Pegawai Boleh memilih Lain-Lain dan memilih Bekerja Shif Pagi atau Bekerja Shif Petang. Sila rujuk manual penggunaan sistem eKehadiran.



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI SISTEM E-KEHADIRAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
(kemaskini 3 Jun 2021)

.....

10. Bagaimana cara log masuk sistem untuk pegawai yang bekerja shift (penguatkuasa) waktu bekerja malam hingga hari keesokkannya?

Pegawai Boleh memilih Lain-Lain dan memilih Bekerja Shif Malam. Walaubagaimanapun waktu kehadiran ke pejabat di ekehadiran tidak perlu diisi kerana melangkaui tarikh semasa. Sila rujuk manual penggunaan sistem eKehadiran.

11. Boleh saya mendapatkan laporan harian untuk rujukan pegawai?

Hanya pentadbir sistem yang dilantik setiap PTJ sahaja boleh mengakses maklumat tersebut. Bagi pegawai yang bekerja di daerah boleh merujuk pentadbir di PPN masing-masing.

Perlu diingat, semua pentadbir tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan tidak sewajarnya mendedah atau berkongsi maklumat peribadi anggota Jabatan Perikanan termasuk lokasi pegawai melainkan atas tujuan laporan rasmi seperti tatatertib, kecemasan dan sebagainya dengan kebenaran Ketua Jabatan.

12. Jika pegawai bertukar, bagaimana kaedah untuk menukar pegawai tersebut dalam sistem?

Bagi pegawai bertukar, berhenti atau bersara, pentadbir bahagian perlu kemaskini maklumat tersebut dalam sistem memaklumkan kepada pihak Bahagian Khidmat Pengurusan DOF bagi semakan dan kemaskini penempatan baru atau dinyahaktifkan.

13. Bagaimanakah untuk mendaftar pegawai baru atau pegawai yang tiada maklumat dalam sistem?

Hanya Pentadbir yang dilantik sahaja yang dapat mendaftar pegawai baru, sila rujuk pentadbir bahagian masing-masing. Pentadbir boleh merujuk manual pentadbir bagi mendapatkan cara-cara untuk mendaftar pegawai yang tiada dalam sistem eKehadiran.



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI SISTEM E-KEHADIRAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
(kemaskini 3 Jun 2021)

.....

14. Adakah wajib berkongsi lokasi sebenar di dalam eKehadiran DOF?

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah, Perenggan 9 dan Perenggan 13 dan Bahagian D (Perenggan 2), adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan lokasi anggota Jabatan direkodkan dan adalah menjadi tanggungjawab anggota Jabatan untuk memaklumkan lokasi yang sebenar.

15. Adakah menjadi kesalahan tata tertib sekiranya tidak mengisi eKehadiran atau tidak mengisytiharkan lokasi sebenar di dalam eKehadiran?

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah, Bahagian E, penjawat awam boleh dikenakan tindakan tata tertib sekiranya melanggar peraturan BDR dan disifatkan sebagai ingkar perintah terhadap sebarang arahan semasa Ketua Jabatan termasuklah arahan berkaitan eKehadiran.

-Tamat-